

**SOALAN LAZIM (FAQ):**  
**PEMILIHAN LOKASI ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI ISLAM MELAKA**  
**(UNIMEL) KALI KE-26**

**1. Kenapa UNIMEL memilih untuk mengadakan konvokesyen di kampus dan bukannya di Dewan MITC Melaka?**

UNIMEL memilih untuk mengadakan konvokesyen di kampus bagi memberikan pengalaman bermakna kepada graduan dan keluarga dan membolehkan graduan meraikan kejayaan mereka di tempat mereka menuntut ilmu dan membina kenangan.

**2. Apakah justifikasi lain bagi penganjuran konvokesyen di UNIMEL?**

Justifikasi lain antaranya:

- Dengan mengadakan majlis di UNIMEL, warga sekitar dapat mengambil peluang dalam perniagaan seperti chalet, homestay, dan perkhidmatan lain untuk menampung keperluan penginapan para tetamu dan graduan. Ini dapat merangsang ekonomi setempat dan memberikan manfaat langsung kepada komuniti sekitar.
- Memperkenalkan perubahan terkini di kampus, termasuk taman rekreasi yang baru dibina yang boleh menjadi kawasan santai dan riadah untuk graduan dan tetamu.
- Penganjuran pesta konvokesyen yang akan memeriahkan suasana dengan pelbagai aktiviti dan gerai, menjadikan majlis lebih meriah dan menarik.

**3. Adakah konvokesyen di UNIMEL menggunakan dewan atau kemudahan lain?**

Majlis konvokesyen akan diadakan di dalam khemah marque tent yang besar dan selesa. Penggunaan khemah marque tent ini adalah untuk memastikan kapasiti yang mencukupi bagi menampung graduan dan tetamu yang hadir.

**4. Apakah penambahbaikan yang akan dibuat berbanding konvokesyen terdahulu di UNIMEL?**

Berdasarkan maklum balas dari konvokesyen kali ke 23 yang lepas yang turut diadakan di dalam kampus, UNIMEL akan melaksanakan beberapa penambahbaikan, termasuk:

- Meningkatkan sistem pengudaraan dan penyaman udara untuk memastikan keselesaan semua tetamu.
- Menyediakan tempat duduk yang lebih teratur dan cukup untuk semua tetamu.
- Memperbaiki sistem bunyi dan pencahayaan agar lebih baik.
- Menambah baik pengurusan parkir dan laluan masuk bagi memudahkan pergerakan tetamu.

## **5. Adakah majlis konvokesyen di MITC Melaka lebih sesuai daripada di kampus?**

Setiap lokasi mempunyai kelebihan dan kekurangannya. Namun, mengadakan konvokesyen di kampus membolehkan UNIMEL menguruskan majlis dengan lebih fleksibel, selain mengambil kira faktor kos dan logistik yang lebih efisien.

## **6. Adakah terdapat kemudahan untuk keluarga graduan seperti khemah tambahan atau kawasan rehat?**

Ya, UNIMEL akan menyediakan kawasan rehat tambahan dan khemah tambahan untuk kemudahan keluarga graduan. Kawasan ini juga akan dilengkapi dengan kemudahan asas seperti tandas mudah alih, khemah untuk tetamu dan kawasan parkir yang mencukupi.

## **7. Bagaimana jika cuaca tidak mengizinkan?**

UNIMEL akan mengambil langkah-langkah persediaan untuk menghadapi cuaca yang tidak menentu. Khemah *marque tent* yang digunakan adalah tahan lasak dan disertakan dengan sistem penyaman udara bagi memastikan keselesaan dalam pelbagai keadaan cuaca. Selain itu, urusetia juga akan bersiap sedia dengan pelan kontingensi untuk sebarang kemungkinan.

Kami berharap FAQ ini dapat membantu menjelaskan keputusan dan persiapan yang dilakukan oleh UNIMEL bagi penganjuran Istiadat Konvokesyen UNIMEL kali ke-26. Keutamaan kami adalah memastikan setiap graduan dan tetamu mendapat pengalaman yang terbaik dan bermakna. Kami berterima kasih atas sokongan dan kefahaman anda, serta mengalu-alukan kehadiran semua untuk bersama-sama memeriahkan majlis pada **7 dan 8 Disember 2024** nanti.

Graduan boleh mendapatkan maklumat terkini berkenaan konvokesyen di laman web konvokesyen UNIMEL dari semasa ke semasa. Sebarang pertanyaan atau maklumat tambahan boleh hubungi pihak urusetia konvokesyen melalui email [jtkkonvo@unimel.edu.my](mailto:jtkkonvo@unimel.edu.my). Tahniah diucapkan kepada semua graduan.